

KEBUDAYAAN ISLAM



Kebudayaan Islam Cukup Teguh di Indonesia

Dalam bahagian penutup ini, Tuan ‘Umar Amīn Hussain meneruskan
kupasan tentang: taklid seni, perasaan kebangsaan dan agama,
kebudayaan Pancasila, dan seni untuk seni. - P. Q.

(oleh ‘Umar Amīn Hussain)

Taklid Seni

Kecerdasan Eropah yang menolak adanya taklid dalam seni, terus-menerus telah kita jumpai semenjak tahun 1870 sampai tahun 1940.

Pada akhir perang dunia kedua itu muncullah faham baharu Barat yang dinamakan Existentialisme. Faham ini, menggantikan yang telah rubah. Faham ini bagi orang Eropah rupanya masih baharu, akan tetapi ahli-ahli kebudayaan Islam telah lama mengenalnya sebagai faham ‘*al-wujūdiyyah*’. Mereka kelihatan hendak mencuba berbalik pulang kembali kepada apa yang dinamakan Climax golongan *wujūdiyyah* Islam menamakannya “dzarwah” (*dharwah?* - P.). Sudah dicuba mereka, dan mereka telah menerima kelancaran kerana itu.

Professor Gibran Ibrāhīm Gibran, dalam pekerjaannya sebagai guru ilmu kebudayaan di Universiti Cambridge telah mengadakan penyelidikan yang teliti tentang apa dan betapa kebudayaan Existentialisme ini dalam pelbagai penyelidikan

yang dilakukannya, maka ia mempunyai kesimpulan: dalam perjalanan berbalik pulang kepada klimaks itu, kebudayaan Existentialisme akan menemui jalan kematiannya. Kematian ini akan diperoleh dalam pekerjaannya mengagumi kehidupan, dalam pekerjaan mereka menyebarkan cita-cita dan kehendaknya.

Perasaan Kebangsaan dan Agama

Perasaan kebangsaan dan agama sebenarnya tak dapat dipisahkan. Di sanalah tersimpannya kebahagiaan umat manusia. Ketika Nabi Ibrahim selesai membangunkan Kaabah di Mekah, ia mendoa kepada Tuhan, supaya negeri itu diberkati. Ia memuja Tuhan untuk kebahagiaan kebangsaannya kerana menjunjung Tuhan. Oleh itu agama dan cita-cita kebangsaan tidak dapat berpisah.

Kalau benar kiranya kebudayaan Existentialisme itu, akan mematikan suatu bangsa sebagai bangsa Eropah, menurut penyelidikan Professor Gibran Ibrāhīm Gibran, maka penulis rencana ini ingin memberikan pandangannya tentang alam

kebudayaan Indonesia menurut yang terlihat, bukan diperoleh dengan membaca buku karangan sarjana-sarjana.

Adakah faham Existentialisme ini sudah sampai dalam masyarakat Indonesia? Cita-cita hidup yang memandang keburukan akhlak sebagai seni, sekarang diakui orang dalam kebudayaan Existentialisme. Kalau keburukan akhlak dipandang sebagai seni, maka dengan sendirinya kejahatan itu dianggap *legal* (sah menurut undang-undang - P.). Kalau kejahatan telah dipandang sah menurut undang-undang sedemikian rupa maka dengan tidak payah dibahaskan lagi, negara yang mengandungi kejadian-kejadian ini akan segera hancur.

Kebudayaan Pancasila

Pada malam 28 September, ketika menjelang pemilihan umum, tidaklah patut kita tercengang mendengar Bung Karno meratap dalam pidatonya, yang disiarkan oleh Radio Jakarta, bahawa kalau Pancasila ditinggalkan, Indonesia ini pecah. Ia pun berkata, bahawa kalau ia ditanya oleh malaikat kelak kemudian hari, akan dijawabnya, bahawa ia telah mendirikan Indonesia Merdeka dengan dasar Pancasila. Dalam perjalanan hidup dan pergaulan dengan Bung Karno, semangat Pancasila ini tetap kelihatan dan sangat bergelora. Baginya inilah kebudayaan hidupnya.

Parti Nasional Indonesia adalah sebuah parti adalah sebuah parti politik kebangsaan yang mendukung pancasila.

Masyumi adalah sebuah parti politik Islam yang tidak merasa keberatan atas Pancasila itu, selama keadaannya seperti sekarang, tidak ditambah-tambah atau ditafsir berlawanan dengan Quran dan Sunnah. Pengakuan ini telah diucapkan oleh Ketua Umumnya Saudara Mohamad Natsir. Kemudian keluar Nahdhatul Ulama menyatakan bahawa kebangsaan itu jangan dipisahkan dengan agama, atau dengan lain perkataan, perdamaian nasional.

Dengan demikian, tidak ada terdapat perselisihan. Kalau masih juga ada batu penarung sehingga tidak terciptanya

persatuan nasional, hal ini mungkin dapat dicari pada sebab-sebab yang lain.

Sungguh pun tulisan kelihatan telah merupakan politik, akan tetapi pokoknya adalah didasarkan pada kebudayaan belaka. Melihat hasil pemilihan umum pertama di Indonesia ini. Maka kebudayaan Islam di Indonesia masih kuat. Kalau tidaklah kuat adanya, tentulah di dalam pertempuran politik pemilihan umum baharu-baharu ini, kita mengalami keruntuhan, sekurang-kurangnya perang saudara. Meskipun Masyumi tidak keberatan atas Pancasila, akan tetapi mengakunya sebagai pengakuan baharu untuk menggantikan yang lama, belumlah dapat dipaksakan.

Seni untuk Seni

Faham 'Seni untuk Seni' (art pour l'art) dalam zaman yang lampau telah menolak campuran agama dalam seni. Dalam zaman Existentialisme ini, keburukan akhlak dianggap legal (tidak menjadi salah lagi - P.). Hal ini disebabkan oleh kerana tiada bimbingan agama dalam kebudayaan.

Manakala kejahatan telah diakui legal sebagai bahagian dari kehidupan, maka percampurannya itu akan membawa maut, tidak ada jalan yang lain daripada mati.

Melekatnya kejahatan dalam kebudayaan, samalah seperti melekatnya karat pada besi. Karat tidak akan membawa kekuatan kepada besi akan tetapi membawa kehancurannya. Soal hancurnya itu adalah soal waktu belaka, akan tetapi lama-kelamaan ia tetap hancur.

Untuk membuang kejahatan dalam masyarakat sangatlah diperlukan agama. Agama sangat diperlukan bagi sesuatu masyarakat. Sebagaimana keperluannya zat ism untuk membuang karat. Adakah golongan nasional dapat menerima dalam masa yang akan datang, kembali kepada agama? Apa sebab tidak! Sudah semestinya dapat sebab kalau tidak, ia akan menemui kehancuran. Ini bererti bunuh diri sendiri. Bukan Parti

Nasionalnya sahaja yang akan hancur, bahkan negara nasionalnya juga akan takut lebur.

Patih Gajah Mada telah meninggalkan di Nusantara nasional yang kuat tetapi dengan agama yang lemah pemerintahan Islam kemudian yang menggantikannya, mempunyai agama yang kuat dengan nasional yang lemah. Keduanya telah hancur lebur. Republik Indonesia dapat diwujudkan kerana terdapatnya kekuatan nasional dan kekuatan agama bersama-sama. Peraturan ini harus diteruskan dan dipelihara baik-baik.

Bukan Semua Pengikut Tak Baik

Perjuangan orang-orang di Eropah sekarang adalah perjuangan terhadap yang mengikat, sebagaimana juga perjuangan orang Yunani dahulu menentang pengikatan dewa-dewa atas diri mereka. Mereka telah berjuang dalam segenap segi kebudayaan, dengan lukisan-lukisannya, dengan muzikan-muzikan dan dengan kesusasteraannya. Mereka telah sampai kepada taraf kebebasan diri. Mereka telah tiba pada suatu tingkat di mana manusia itu dianggap sebagai barang seni.

Sifat perseorangan ditambah dengan faham kebendaan, telah menguasai segenap lapangan hidup mereka. Tidak pula jarang kejadian, mereka itu telah lupa akan diri mereka sendiri. Sesuatu yang amat sukar bagi mereka, ialah kembali menjunjung suatu hukum agama.

Demikianlah keadaan mereka pada saat ini. Itulah yang menyebabkan kengerian dan ketakutan pemimpin-pemimpin Barat pada waktu ini. Keadaan ini telah menyebabkan mereka mencuba mengadakan gerakan pengongsian kebudayaan. Dari kebudayaan yang sekarang kepada kebudayaan tua. Untuk itu sekarang mereka menamakan satu falsafah yang bersendikan kepercayaan, bahawa manusia itu harus menerima kematiannya sebelum ia dibangunkan kembali dengan bentuk baharu. Oleh kerana itu mereka bersedia untuk mati, kerana sesudah kematian itu mereka akan bangun kembali dengan bentuk kebudayaan baharu.

Adakah falsafah kebudayaan yang seperti ini benar adanya?

Kebudayaan yang seperti ini telah pernah dipakai dan didukung pada zaman purbakala oleh bangsa Babylon. Kebudayaan ini dinamakan "Tāmūz". Babyloni telah pernah mati, akan tetapi belum pernah hidup kembali. Falsafah hidup seperti ini pun telah pernah pula didukung oleh orang-orang Arab purbakala. Mereka ini telah roboh dan belum pernah bangun kembali.

Adapun di Indonesia, Existentialisme tidak mungkin datang. Hal ini sangat disangsikan. Dalam zaman pemerintah 'Ali-Arifin ia telah memperlihatkan giginya, mengancam dan siap hendak membunuh kebudayaan Indonesia yang ada. Adanya "*hospitality committee*" adalah datangnya suatu cara hidup yang memandang keburukan akhlak sebagai seni. Adanya "*hospitality committee*" ialah mengakui kejahatan sebagai sesuatu yang *legal* - tidak salah.

Tanda-tanda kebudayaan Existentialisme di Indonesia, membayang dalam zaman pemerintahan 'Ali-Arifin. Perbuatan makan suap yang bermaharajalela pada masa itu, adalah sebagai akibat dari diakuinya kejahatan susila (keburukan akhlak - P.) oleh sebahagian pemimpin-pemimpin kita. Perbuatan ini berlawanan dengan kebudayaan kita yang ada dan tetap kita pegang sampai sekarang ini.

Hal ini tidak kita hairankan, kerana pemerintahan pada masa ini itu didukung oleh Parti Komunis, yang memandang segala kejahatan itu *legal* (tidak menjadi salah lagi - P.). Hal ini dilakukan untuk mencapai kedudukan diktator *proleter* (kekuasaan kaum buruh yang bermaharajalela - P.).

Untuk masa akan datang, baiklah kita bersandar kepada kebudayaan kita yang ada. Kerana itu haruslah kita hindarkan dengan segenap tenaga, suatu pemerintahan yang sama sifat dan rupanya dengan pemerintahan 'Ali-Arifin yang lampau. Cukupilah yang sudah, menjadi pelajaran.

Sampai sekarang kita masih utuh (kebudayaan Islam kita belum jejas - P.). Alhamdulillah.